

# Lebih pentingkan parti daripada kerjasama: PM Cadangan PBS 'berat sebelah'

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan cadangan balas PBS terhadap formula damainya bagi menamatkan krisis politik Sabah, sebagai "berat sebelah".

Menurut Perdana Menteri, cadangan yang dikemukakan oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan lebih mengutamakan parti itu, sedangkan beliau mementingkan kerjasama parti-parti utama di Sabah.

Beliau berkata, kerajaan Barisan Nasional diwakili oleh pelbagai parti politik daripada pelbagai kaum, supaya tidak ada satu kaum yang berkuasa menukar perlembagaan negara dengan sendirinya.

"Tidak ada satu kaum atau parti politik yang mempunyai bilangan wakil rakyat dua pertiga boleh berbuat demikian," tegasnya.

Oleh NAZAR ABDUL  
dan MAHFAR ALI

Oleh itu, kata Perdana Menteri, jika perlembagaan negara ini hendak ditukar, semua kaum perlu menyetujuinya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, Perdana Menteri berpendapat usaha PBS mendapatkan majoriti dua pertiga bagi membolehkannya menukar perlembagaan negeri Sabah tanpa persetujuan parti-parti lain, adalah tidak sihat.

## Tambah anggota

Mengenai formula damai yang dikemukakan, Perdana Menteri menegaskan ia adalah yang terbaik bagi menyelesaikan krisis politik Sabah.

"Tetapi jika ada pindaan-pindaan yang tidak terlalu banyak mengenai prinsip formula itu, kita masih boleh menerimanya," ujar Perdana Menteri.

Beliau mengesahkan, peluang untuk PBS menerima formula damai itu masih terbuka dan pihaknya akan tetap

berusaha sedaya upaya untuk menayakan formula itu.

Perdana Menteri berkata, pihaknya bersikap terbuka dalam masalah ini dan ingin mencari penyelesaian secepat mungkin.

Beliau juga memberi penjelasan kepada ahli-ahli MT mengenai usaha mengadakan rundingan dengan pemimpin parti-parti utama di Sabah bagi menyelesaikan krisis politik di negeri itu.

Mengikut formula yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, PBS dikehendaki membentuk kerajaan campuran dengan Usno dan Berjaya sebelum pilihanraya negeri diadakan.

Jumlah anggota kabinet negeri Sabah juga akan ditambah daripada sembilan, menjadi 14 bagi dianggotai oleh wakil-wakil Usno dan Berjaya.

Bagaimanapun formula penyelesaian yang menguntungkan PBS itu tidak diterima. PBS dalam cadangan balasnya mahukan pilihanraya bebas diadakan dahulu dan semua parti yang bertanding menggunakan lambang masing-masing.

PBS juga mahukan kerajaan campuran hanya dibentuk jika tidak ada parti yang menang dengan majoriti besar.